

# Dr. Mahafar letak jawatan

Oleh  
KAMAL ZAILANI dan ZULKIFLEE BAKAR

J.M. - 6 AUG 1993

**K**UALA LUMPUR 5 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Encik Ghafar Baba tidak ada menyatakan sebarang hasrat untuk meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menafikan spekulasi yang tersebar luas mengatakan timbalannya itu akan mengambil tindakan demikian.

Ketika ditanya pembedita sama ada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang bersidang hari ini membincangkan perkara tersebut, Dr. Mahathir berkata: "Ghafar tidak pula menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan."

Ghafar yang biasanya berada di sebelah Dr. Mahathir dalam setiap sidang akhbar MT UMNO, tidak pula kelihatan pada sidang akhbar hari ini. Beliau terus beredar sebaik-baik sahaja mesyuarat selesai.

Khabar angin mengenai perletakan jawatan Ghafar telah membuat begitu ramai wartawan dari dalam dan luar negara hadir di Ibu Pejabat UMNO untuk membuat liputan mesyuarat Majlis Tertinggi pagi ini.

Lain-lain pemimpin UMNO yang hadir pada sidang akhbar itu ialah Naib-naib Presiden, Dato' Sri Anwar Ibrahim, Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Sri Sanusi Junid; Setiausaha Agung;

■ Lihat muka 2

# Dr. M nafi Ghafar

## letak jawatan

U.M. - 6 AUG 1995

Dato' Mohamed Rahmat; Bendahari, Tun Daim Zainuddin; Ketua Pemuda, Dato' Sri Najib Tun Razak dan Ketua Penerangan, Dato' Hussein Ahmad.

Menjawab pertanyaan mengapa Ghafar tidak menghadiri sidang akhbar itu, Mahathir menjelaskan: "Ghafar ada semasa mesyuarat, tetapi dia minta izin keluar kerana ada urusan."

Kepada pertanyaan benarkah terdapat beberapa menteri akan turut meletakkan jawatan, Mahathir bertanya kembali siapakah menteri-menteri itu.

"Nampaknya saudara mempunyai lebih banyak maklumat daripada saya. Kalau begitu, saudaralah yang sepatutnya memberitahu saya berita itu," katanya.

Dr. Mahathir juga ditanya mengenai sikap beberapa pemimpin yang membuat sokongan terbuka kepada calon-calon tertentu dan sama ada tindakan itu boleh menjejaskan perpaduan parti.

Perdana Menteri berkata, selagi tindakan mereka mengikut peraturan parti, ia tidaklah pula menjadi satu halangan atau kesalahan.

Perdana Menteri berkata, sebagai Presiden UMNO beliau hanya boleh menasihatkan sahaja dan memastikan perpaduan parti dijaga.

"Majlis Tertinggi UMNO tidak menetapkan pendirian apa-apa mengenai perkara ini selagi semuanya mengikut peraturan," tegasnya.

### **Sokongan terbuka**

Menjawab pertanyaan mengenai sokongan terbuka Pengerusi Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan, Shahidan Kassim terhadap Anwar untuk mencabar Timbalan Presiden UMNO, Mahathir menegaskan, Majlis Tertinggi membincangkan perkara itu sepintas lalu.

Beliau berpendapat, adalah tidak wajar badan asing dari luar UMNO mencampuri urusan pemilihan dalam parti itu.

Kepada pertanyaan penolakan usul undi tidak percaya DAP terhadap Ghafar yang ditolak oleh Dewan Rakyat semalam, Mahathir berkata, perkara itu juga disebut secara sepintas lalu.

"Dia (Kit Siang) kata tidak demokratik... kalau tidak demokratik, kita dah lama tangkap dia dah..."

Menurut Dr. Mahathir, keadaan dalam UMNO tetap stabil dan tidak bergolak walaupun kempen-kempen untuk merebut beberapa jawatan penting pada perhimpunan agung parti, November ini sedang rancak berjalan sekarang.

Presiden UMNO itu menegaskan, beliau percaya semua calon yang bertanding mampu mengawal perasaan dan menentukan perpaduan parti tidak terjejas.

"Walaupun saya telah memberi nasihat kepada anggota-anggota parti supaya jawatan Timbalan Presiden UMNO tidak bertandingkan tetapi perlembagaan parti membenarkan sesiapa sahaja bertanding," ujar beliau.

Majlis Tertinggi UMNO, kata Dr. Mahathir, yakin bahawa walaupun berlaku pertandingan, keadaan politik dalam UMNO sebenarnya tidak bergolak begitu banyak seperti yang diiangkakan.